

# Permudahkan urusan pulih ekonomi pasca COVID-19

BH  
- 7/7/2020  
mls:2

## Muhyiddin gesa agensi kerajaan kurangkan kerenah birokrasi lancarkan urusan

Oleh Rafidah Mat Ruzki,  
Hazwan Faisal Mohamad  
dan Zanariah Abd Mutalib  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Agensi kerajaan dan penjawat awam perlu memainkan peranan memudahkan cara, dalam membantu usaha mengembalikan ekonomi negara ke landasan sewajarnya, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri menegaskan, kerenah birokrasi dan masalah pada peringkat pentadbiran, tidak seharusnya menjadi punca membatalkan pemuliharaan semula ekonomi negara pasca COVID-19.

Beliau mengakui, penjawat awam kini berdepan cabaran dalam menawarkan perkhidmatan, berikutan situasi berubah ekoran penularan COVID-19 yang menyak-

sikan banyak sektor negara ini terjejas.

“Maka, untuk memastikan kita kembali seperti sedia kala, dalam situasi normal baharu ini memerlukan tindakan lebih tersusun, lebih terancang, lebih teratur dengan dukungan setiap peringkat, terutama dalam pentadbiran kerajaan, kerana kitalah pembekal perkhidmatan terbesar di negara kita.

“Perkhidmatan kita ini diperlukan semua pihak, termasuk sektor ekonomi yang terjejas teruk. Apa peranan kita? Peranan kita ialah untuk *facilitate* (memudahkan), *not to frustrate* (bukan untuk mengecewakan).

“Bagi membantu sektor ekonomi kembali ke landasannya, ada amalan dan prosedur yang selama ini diguna pakai, perlu dinilai semula termasuk tempoh kelulusan permohonan dan lesen. Ia juga termasuk cara kerja serta kebenaran kepada ketua agensi dan jabatan untuk membuat keputusan segera,” katanya.

Muhyiddin berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan bersama kakitangan Jabatan Perdana Menteri semalam, yang kali pertama diadirinya se-



**Muhyiddin berucap** pada perhimpunan bulanan bersama kakitangan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

lepas empat bulan menerajui pentadbiran negara sebagai Perdana Menteri.

Perhimpunan bulanan anjuran Jabatan Perdana Menteri itu diadakan di Dataran Perdana di Bangunan Perdana Putra di sini dengan dihadiri kira-kira 250 pegawai dan kakitangan.

Perdana Menteri berkata, Ketua Setiausaha Negara boleh menjadi peneraju pemudah cara supaya tidak menjadi isu yang boleh dikenakan tindakan juruaudit negara atau agensi penguat kuasa.

“Ini satu tindakan yang kita tidak dapat elakkan. Langkah sebegini adalah sebahagian daripada yang perlu kita fikirkan supaya urusan untuk memulihkan semula ekonomi negara dapat kita bantu dan selesaikan,” katanya.

Beliau berkata, negara kini berdepan tempoh kritikal dalam perlumbaan memulihkan ekonomi negara yang terjejas berikutan penularan COVID-19.

“Saya memberitahu jemaah Menteri, sebagai contoh, walaupun Malaysia sudah hampir selesai menangani masalah COVID-19, Insya-Allah, jauh agaknya lebih cepat daripada sesetengah negara, contohnya, negara jiran kita.

**Bagi membantu sektor ekonomi kembali ke landasannya, ada amalan dan prosedur yang selama ini diguna pakai, perlu dinilai semula termasuk tempoh kelulusan permohonan dan lesen.**

**Muhyiddin Yassin,**  
Perdana Menteri

“Tetapi janganlah dengan sebab kerenah birokrasi dan permasalahan yang kita hadapi pada peringkat pentadbiran, maka negara yang di belakang boleh ke depan daripada kita dari segi proses pemuliharaan. Mereka pulih (ekonomi) lebih awal berbanding kita, ini tidaklah satu contoh yang baik.

“Yang penting, dalam tempoh yang agak sesuai kita dapat mengembalikan ekonomi semula. Unjuran Bank Dunia mengatakan mungkin Malaysia menjadi antara negara pertama yang dikatakan kembali pulih dengan kadar pertumbuhan 5.6 peratus pada hujung tahun 2021,” katanya.

Sementara itu, Muhyiddin menegaskan, kerajaan Perikatan Nasional (PN) akan meneruskan Pelan Antirasuah Nasional yang dilancarkan oleh pentadbiran sebelum ini bagi memastikan negara bersih dan berintegriti dan beliau tidak akan berkompromi dengan perkara itu.